

SUMPAH DALAM KESALAHAN QAZAF MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Azman Ab. Rahman
Zulkifli Mohamad al-Bakri



ABSTRACT

The Concept of Islamic criminal law incorporates particular principles such as protecting the religion i.e Islam, preserving life and the sanctity of human soul, safeguarding the soundness of mind, preserving the heredity, property and dignity. In case of Qazaf (accusation against one's chastity), the reason behind this ruling is to protect the dignity of human being from wild slander and libel. As we are in the middle of information technology era, a number of people committing crimes have distinctly increased including Qazaf involving people's life, honour, and property. Surprisingly, this kind of crime has been widely spread for no specific purpose. According to Syariah law, any person who accuses other people committing zina or sodomy must provide with four witnesses otherwise he or she shall be inflicted with hadd for committing Qazaf. The issue in this matter is that: is it a requirement for the accuser, in the absence of witnesses, to apply oath to prove his or her accusation and does the aforementioned matter applied to the accused? This article is intended to explain the concept of oath, its legal injunction and its divisions according to Islamic law. Apart from that, it would also clarify particular situations which oath is permitted to be administered as a mean of proof, in the case of Allah's right or human's right. The authors intend to elucidate the definition of Qazaf and its application, offences under Qazaf, the mode of proof, and other issues pertaining to sodomy. The finding of this study shows that oath could be applied to deny the allegation of committing zina or sodomy

if the plaintiff makes a request to the judge ordering the defendant to administer oath in the absence of witnesses. This ruling could be found in Shafi'I school of law. Nevertheless, Imam Malik and Ahmad opined that oath could only be applied when it is related to human's right such as property but not to Allah's right for instance punishment for Qazaf. It is hope that the public would gain clear picture from this writing regarding with the concept of oath and Qazaf under Islamic perspective.

ABSTRAK

Konsep hukum jenayah yang ditetapkan dalam Islam mempunyai beberapa konsep tertentu iaitu menjaga nyawa dan kehormatan jiwa manusia, menjaga kewarasan akal, menjaga agama, menjaga keturunan dan zuriat serta menjaga harta benda. Begitu juga hukuman Qazaf, ia ditetapkan di dalam Islam berdasarkan kepada konsep untuk menjaga kehormatan jiwa manusia dan menjaga maruah seseorang. Pada zaman sains dan teknologi masa kini, kita dapat melihat dan sering mendengar pelbagai jenayah yang dilakukan oleh manusia sama ada yang melibatkan nyawa, maruah, harta benda dan sebagainya. Jenayah Qazaf merupakan jenayah yang semakin berleluasa pada masa kini yang dilakukan sama ada mempunyai tujuan yang tertentu atau sebaliknya. Mereka yang melakukan qazaf hendaklah mempunyai saksi bagi mensabitkan orang yang didakwa atau dituduh. Namun, apa yang berlaku sekarang ini, kebanyakan mereka yang melakukan jenayah qazaf tidak mempunyai saksi bagi mensabitkan kesalahan orang yang didakwa. Timbul persoalan, adakah orang yang melakukan kesalahan qazaf yang tidak mempunyai saksi perlu bersumpah ataupun orang yang didakwa dikehendaki bersumpah. Artikel ini bertujuan untuk mengetahui konsep sumpah, pensyariatannya dan pembahagiannya dalam Islam. Di samping itu, artikel ini akan menerangkan situasi-situasi tertentu yang mengharuskan sumpah dipakai sebagai kaedah pembuktian, sama ada yang melibatkan hak Allah ataupun hak manusia. Penulis juga akan menjelaskan pengertian qazaf, jenis-jenis kesalahan qazaf dan pengsabitan kesalahan qazaf serta isu yang melibatkan tuduhan melakukan liwat. Hasil daripada artikel ini penulis mendapati dalam mazhab Shafie sumpah boleh digunakan untuk menafikan tuduhan liwat ataupun zina jika pendakwa memohon daripada hakim

supaya yang didakwa bersumpah disebabkan ketiadaan saksi. Walau bagaimanapun Imam Malik dan Ahmad berpendapat sebaliknya iaitu sumpah hanya boleh dilakukan apabila melibatkan hak manusia seperti mal, manakala hak Allah seperti hadd Qazaf tidak boleh dilakukan sumpah. Diharapkan artikel ini dapat memberikan gambaran dan pendedahan sebenar kepada masyarakat tentang konsep sumpah dan jenayah qazaf menurut perspektif Islam.

PENDAHULUAN

Setiap negara mempunyai sistem penghakiman bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Pada kebiasaannya kita sering membincangkan isu perlembagaan negara dan kedudukan sistem kehakiman serta cara perlantikan hakim dan sebagainya. Namun sejak akhir-akhir ini, kita dihadang dengan isu yang melibatkan penggunaan sumpah dalam kes *qazaf*. Timbul persoalan di kalangan masyarakat tentang keperluan bersumpah dalam kes *qazaf* ini sama ada yang mendakwa atau yang didakwa perlu bersumpah untuk mensabit atau menafikan sesuatu dakwaan itu. Isu penggunaan sumpah ini timbul disebabkan orang yang mendakwa tidak mempunyai saksi. Perkara seperti ini perlu dilihat secara menyeluruh kerana perbuatan *qazaf* itu sendiri ada kemungkinan orang yang melakukannya itu mempunyai niat yang tidak baik atau ia benar-benar berlaku. Apa yang dirisaukan lagi ada di kalangan masyarakat yang jahil dengan isu *qazaf* ini dengan sewenang-wenangnya menuduh atau mendakwa seseorang itu melakukan zina tanpa usul periksa dan bukti serta saksi yang cukup. Kes *qazaf* ini amat bahaya dan berat kerana ia melibatkan kedudukan dan maruah seseorang dan dengan sebab itulah hukuman *qazaf* juga berat sama ada dikenakan hukuman *had* ataupun *ta'zir*. Kes *qazaf* ini berkait rapat dengan salah satu cara pembuktian atau keterangan iaitu sumpah atau *al-Yamin*. Persoalannya di sini, adakah orang yang didakwa melakukan zina atau liwat perlu bersumpah untuk menafikan tuduhan yang dikenakan ke atasnya sekiranya si pendakwa tidak mempunyai saksi? Isu seperti ini perlu dibincangkan dan dikaji serta dilihat secara menyeluruh agar keharmonian dan kesejahteraan sesebuah negara dan kedudukan serta maruah seseorang dapat dipelihara dan dijaga dengan sebaiknya. Penggunaan sumpah ini juga perlu dilihat sebagai salah satu kaedah pembuktian dan keterangan yang diterima pakai serta menjadi

sandaran kepada hakim dalam menentukan dan mengeluarkan sesuatu keputusan bagi menyelesaikan pertikaian dan perbalahan antara yang mendakwa dan yang didakwa. Jika diperhatikan, sehingga kini sumpah digunakan sebagai kaedah pembuktian terutamanya di Mahkamah Syariah Malaysia. Namun begitu, sejauh manakah penggunaan dan amalannya, ia memerlukan kepada satu kajian yang menyeluruh bagi mengenalpasti kedudukannya dalam sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia.

KONSEP SUMPAH DAN PENSYARIATANNYA

Dari segi bahasa sumpah dalam bahasa Arab disebut *al-Yamin*, perkataan *al-Yamin* pada asalnya bermaksud tangan kanan (Ibn Manzur, 1990:461, Al-Raziyy, 1987:311). Ia digunakan untuk pengertian sumpah kerana pada kebiasaannya (orang-orang Arab) zaman dahulu apabila bersumpah mereka akan memegang tangan kanan masing-masing (Al-Sharqawiyy, t.th:474, Al-Sharbiniyy, 1958:320). Dalam bahasa Arab *al-Yamin* juga dikenali sebagai *al-Halaf*, *al-Istihlaf*, *al-Ila'* dan *al-Qasam* (Al-Fayumiyy, 1987:261, Ibrahim Mustafa et.al, t.th:1067).

Manakala dari segi istilah, sumpah bermaksud menyatakan kesungguhan sesuatu perkara yang boleh diandaikan berlaku atau tidak dan benar atau salah dengan menyebut nama Allah atau sifat khusus bagi-Nya (Al-Ansariyy, t.th:197). Menurut Ibn Hajar al-Haytamiyy (1971:371) sumpah bermaksud sumpah kepada perkara yang sudah berlaku atau akan berlaku. Al-Jurjaniy juga ada menyebut dalam kitabnya *al-Takrifat*, sumpah ialah memperkukuh dan memperkuat salah satu daripada dua aspek perkhabaran (yang boleh jadi benar dan boleh jadi dusta atau aspek penafian dan pengisbatan), dengan menyebut nama Allah SWT atau digantungkan dengan syarat dan jawapan (t.th: 174).

Terdapat beberapa ulama fiqh yang mendefinisikan sumpah dalam kitab-kitab mereka, antaranya al-Qalyubiyy yang mendefinisikan sumpah sebagai memperkukuhkan sesuatu perkara yang *muhtamil* (boleh jadi benar atau dusta atau andaian yang lain) sama ada ia telah berlaku atau akan berlaku, menafi atau mensabitkan dengan zat Allah atau mana-mana sifat-Nya (Al-Qalyubiyy, t.th:270).

Manakala menurut Wahbah al-Zuhailiy (1982:319) sumpah bermaksud memperkukuh atau menyakinkan sabitnya hak atau ternafinya dengan bersaksikan Allah SWT di hadapan hakim.

Berdasarkan kepada definisi-definisi sumpah di atas, sumpah ialah membuat sesuatu kenyataan dan keterangan terhadap sesuatu perkara yang tidak mustahil berlaku dan sebaliknya dengan disertakan sebutan nama Allah dan sifat-Nya. Definisi yang paling hampir dan bersesuaian dengan amalan di Malaysia adalah definisi yang diberikan oleh Wahbah al-Zuhailiy yang memasukkan elemen di hadapan hakim sebagai syarat untuk diterima pakai sesuatu sumpah itu.

Dengan itu, jelas di sini bahawa sumpah di luar mahkamah tidak boleh diambilkira bagi mensabitkan sesuatu hak. Dalam perkara ini, sekiranya seseorang itu bersumpah di luar mahkamah, kemudian perkara tersebut dibawa kepada hakim, maka hakim tidak boleh menerimanya. Ini adalah berdasarkan satu riwayat bahawa Rukanah bersumpah di hadapan Nabi SAW sebelum diminta dia bersumpah, lalu Nabi SAW mengulangkan permintaan sumpah darinya, dan sumpah pertama itu tidak memadai.

PENSYARIATAN SUMPAH

Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menerangkan penyariatian sumpah dan merupakan salah satu kaedah pengisbatan dan pembuktian atau penafian di hadapan hakim. Sumpah disyariatkan untuk menguatkan aspek kebenaran dan mensabitkan hak atau menafikannya di samping memainkan peranan yang besar dalam mahkamah ketika gagal mengemukakan bukti, saksi dan keterangan.

1. Dalil daripada al-Quran

Di antara dalil daripada al-Quran yang mensyariatkan sumpah, firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 53:

وَيَسْتَنْبِغُونَكَ أَحَقُّ هُوَ قَوْلُ إِي وَرَبِّي إِنَّهُ لِحَقِّ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ

Maksudnya: “Dan mereka (yang meminta disegerakan azab) itu akan bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): “Adakah kedatangan azab yang dijanjikan itu benar? “Jawablah: “Ya, Demi Tuhanku! Sesungguhnya adalah ia benar! dan kamu tidak sekali-kali berkuasa menahan kedatangannya”.

Allah juga berfirman dalam Surah al-Maidah ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّارَتُهُ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسَاكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَوْ هَلِيكُمْ أَوْ كَسْوَتِهِمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفَّارَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (hukum-hukum ugamanya) supaya kamu bersyukur”.

Allah SWT berfirman lagi dalam Surah Ali Imran ayat 77:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat, dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

2. Dalil daripada al-Sunnah

Manakala dalil daripada al-Sunnah yang diriwayatkan daripada Ibnu Abas r.a bahawa Nabi SAW bersabda:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ وَلَكِنَّ
الْبَيْمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

Maksudnya: “kalaulah manusia itu diberikan (hak yang dituntutinya) dengan semata-mata dakwaan mereka nescaya terdapat sebahagian manusia akan mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan darah dan harta ke atas orang lain, tetapi sumpah adalah dikenakan ke atas orang yang didakwa”. (Hadith. Muslim. Kitab al-Aqdiyah: Bab al-yamin ‘ala al-Mudd‘ah ‘alayh: Juz’ 3”#1711).

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالْبَيْمِينَ عَلَى
الْمُدَّعَى عَلَيْهِ.

Maksudnya: *Daripada Ibnu Abas r.a bahawa Nabi SAW pernah menghukum sumpah (diwajibkan) ke atas orang yang kena dakwa.* (Hadith. Muslim. Kitab al-Aqdiyah: Bab al-yamin ‘ala al-Mudd‘ah ‘alayh: Juz’ 3”, #1336).

Jelas daripada hadis-hadis di atas, bahawa sumpah disyariatkan ke atas yang kena dakwa atau orang yang kena tuduh bagi menolak dakwaan dan menafikan tuduhan serta melarang hakim membuat keputusan berdasarkan dakwaan semata-mata tanpa bukti.

3. Ijmak

Manakala dalil daripada Ijmak pula ialah sahabat-sahabat Rasulullah SAW sering bersumpah dalam dakwaan dan mereka diminta bersumpah dalam perbicaraan bagi menyelesaikan pertikaian dan tiada seorang Islam pun yang membantah amalan ini, maka ia dikira ijmak umat Islam semenjak dahulu sehingga sekarang (Al-Zaila‘iyy t.th:107).

4. Hujah Akal

Pensyariatan sumpah juga menggunakan dalil daripada akal, sumpah disyariatkan pada mulanya ke atas orang yang kena dakwa atau yang tertuduh, kerana dia berada di pihak yang lebih kuat berbanding dengan orang yang mendakwa, kerana pada asalnya orang yang kena tuduh bebas tanggungannya daripada apa yang didakwa ke atasnya, selaras dengan kaedah fiqh “الأصل براءة الذمة”

PEMBAHAGIAN SUMPAH

Secara umumnya sumpah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumpah dalam mahkamah dan sumpah di luar mahkamah. Penulis hanya akan membincangkan sumpah dalam mahkamah kerana ia berkait rapat dengan undang-undang keterangan dan merupakan isu yang menjadi kontroversi pada masa kini. Menurut Wahbah al-Zuhailiyy dan Ahmad Fathi Bahnasiyy membahagikan sumpah dalam mahkamah kepada 3 bahagian.

Pertama: Sumpah Saksi (يمين الشاهد)

Sumpah saksi ialah sumpah yang dilakukan oleh saksi sebelum membuat persaksian untuk menambah kepercayaan kepada penyaksiannya. Sumpah jenis ini diharuskan oleh para ulama mazhab Maliki, Zaidiyyah, Zahiriyah, Ibn Abi Laila dan Ibn al-Qayyim. Sumpah ini digunakan pada zaman ini sebagai menggantikan prosedur *tazkiyyat al-Suhud*. Ini selaras dengan kerosakan dan kelemahan pegangan agama yang memudahkan orang membuat persaksian palsu (Al-Zuhailiyy 1989:600).

Kedua: Sumpah orang yang didakwa (يمين المدعى عليه)

Sumpah ini juga dikenali dengan nama *al-Yamin al-Asliyah*, *al-Yamin al-Wajibah*, *al-Yamin al-Dafi'ah* atau *al-Yamin al-Rafi'ah*.

Apabila seseorang membuat dakwaan di mahkamah, maka beliau mesti membawa saksi. Jika orang yang mendakwa gagal membawa saksi, beliau berhak meminta mahkamah supaya memerintahkan orang yang didakwa bersumpah.

Namun sumpah ini hanya dilaksanakan oleh orang yang didakwa atas perintah hakim berdasarkan permintaan orang yang mendakwa dan ia tidak berlaku dalam kes yang berkaitan dengan hak Allah

semata-mata seperti hudud dan ibadat yang disepakati oleh para ulama (Bahnasiyy, 1992:352).

Ketiga: Sumpah Orang yang Mendakwa (يمين المدعي)

Sumpah orang yang mendakwa menurut pandangan jumhur ulama ialah sumpah untuk menolak tohmahan, atau mensabitkan hak atau sumpah kerana keengganan orang yang didakwa bersumpah. Umumnya sumpah ini mengikut jumhur ulama kecuali Hanafi terbahagi kepada tiga bahagian (Al-Zuhailiyy, 1989: 600-606):

1. Al-Yamin Al-Jalibah

Merupakan sumpah yang dilakukan oleh orang yang mendakwa untuk mensabitkan haknya sama ada dengan penyaksian seorang dan sumpah atau dengan sebab keengganan yang tertuduh daripada bersumpah.

2. Yamin Al-Tuhmah

Merupakan sumpah yang diajukan kepada pendakwa untuk menolak dakwaan terhadap orang yang didakwa yang tidak pasti kebenarannya. Inilah pendapat mazhab Maliki dan Zaidiyyah.

3. Yamin Al-Istizhar / Istithaq

Merupakan sumpah yang dilakukan oleh orang yang mendakwa atas perintah hakim setelah dia mengemukakan bukti-bukti yang diperlukan dalam dakwaan. Sumpah ini hanyalah sebagai penyempurnaan kepada keterangan seperti saksi. Kebiasaannya hakim menggunakan sumpah ini dalam kes yang melibatkan orang yang mati dan hilang.

Ibn Qayyim (1995:113) menguatkan pandangan mazhab Maliki dan Zaidiyah dengan menyatakan: “*ini tidaklah terasing daripada kaedah syarak lebih-lebih lagi adanya andaian tuhmah (dakwaan)*”. Beliau berhujah dengan Saidina Ali yang memerintahkan orang yang menuduh bersumpah bersama dua saksi. Hal seperti ini juga dilakukan oleh Syurailh, al-Au'zaiyy, al-Hasan bin Hay. Begitu juga, ini merupakan pendapat al-Nakhaiyy, al-Sya'biyy dan Ibn Abi Laila.

Saleh Haji Ahmad dalam *Risalah Ahkam* berkata: “*secara keseluruhannya, setiap bahagian sumpah mempunyai perbincangannya yang terperinci, namun di sini perbincangan hanya memfokuskan bahagian sumpah orang yang didakwa kerana ia berkait rapat dengan*

amalan dan perlaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia".
(1997:120)

ADAB BERSUMPAH

Mustafa al-Khin melalui kitabnya *al-Fiqh al-Manhajiyy* (2005:1787-1788) menyebut beberapa adab bersumpah antaranya:

1. Hakim memberi amaran tentang bersumpah dengan memberi nasihat kepada orang yang ingin bersumpah dan mengingatkannya berkenaan kedudukan sumpah. Apatah lagi jika sumpah yang berniat jahat atau palsu. Hakim sewajarnya membacakan ayat-ayat dan hadith yang memberikan kesedaran dan amaran kepada pelaku sumpah.
2. Bersumpah hanya apabila berada di pihak yang benar. Sekiranya pihak tertuduh diminta bersumpah dan dia tahu sumpahnya adalah benar, dia dibenarkan bersumpah. Dalam keadaan ini, dia tidak akan berdosa. Ini kerana Allah SWT sendiri yang membenarkan sumpah dan Dia tidak membenarkan sumpah yang mengandungi dosa. Malah bersumpah ketika itu lebih baik daripada tidak bersumpah disebabkan oleh dua faktor:
 - i. Membela haknya supaya tidak disia-siakan kerana Allah SWT melarang manusia mensia-siakan haknya.
 - ii. Menyelamatkan saudaranya yang zalim daripada melakukan kezaliman dan merampas harta orang lain. Ini sebenarnya merupakan nasihat dan bantuan iaitu dengan menghalang saudaranya daripada melakukan kezaliman.
3. Tidak bersumpah bohong. Ini kerana sumpah palsu yang digunakan untuk merampas hak orang lain atau mengambil harta orang lain dengan cara yang salah merupakan jenayah berat dan merupakan dosa besar. Sekiranya tertuduh menyedari dia berbohong, wajib baginya tidak bersumpah.

SUMPAH ORANG YANG DIDAKWA

Undang-undang keterangan Islam menetapkan kaedah umum dalam sistem perbicaraan dan kehakiman iaitu orang yang mendakwa mesti membawa saksi dan orang yang didakwa wajib bersumpah. Apabila

orang yang mendakwa tidak dapat membawa saksi, dia boleh meminta mahkamah memerintahkan supaya orang yang didakwa bersumpah. Perkara ini jelas dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiyy yang mengisahkan dakwaan seorang lelaki dari *Hadramaut* terhadap seorang lelaki *Kindah* yang merampas tanahnya:

فقال النبي ﷺ للحضرمي ألك بينة؟ قال لا قال فلك يمينه قال يا رسول الله! إن الرجل فاجر لا يبالي على ما حلف عليه وليس يتورع من شيء قال ليس لك منه إلا ذلك

Maksudnya: “Maka Nabi SAW berkata kepada lelaki *Hadramaut*: adakah kamu mempunyai saksi? Lelaki tersebut berkata: tidak. Sabda Rasulullah: bagimu sumpahnya. Kata lelaki *Hadrmaut* tersebut: Wahai Rasulullah! Lelaki ini jahat dia tidak kisah atas apa dia bersumpah. Dia tidak takut kepada apa pun. Sabda Rasulullah SAW: kamu tiada apa ke atasnya melainkan perkara itu”. (Hadith. Al-Tirmidiyy. Bab ma ja’a fi anna al-bayyinah ‘ala al-Mudd’iyy wa al-yamin ‘ala al-Mudd’ah ‘alayh: Juz’ 3:#403).

Berdasarkan hadis ini, kita dapat merumuskan bahawa orang yang mendakwa berhak meminta supaya hakim memerintahkan orang yang didakwa bersumpah. Ini bermakna hak untuk meminta sumpah adalah hak si pendakwa, sementara hakim hanya berhak memerintahkan orang yang didakwa bersumpah atas kehendak si pendakwa. Ini kerana huruf *lam* dalam hadis فلك يمينه adalah bermaksud pemilikan. Seandainya hakim memerintahkan supaya orang yang didakwa bersumpah sebelum mendapat keizinan atau permintaan daripada pendakwa, pendakwa berhak meminta supaya diulang sumpah tersebut (Al-Sarkhasiyy, t.th:116). Ulama juga bersepakat bahawa apabila orang yang didakwa bersumpah, dakwaan ke atasnya akan digugurkan.

HAK-HAK YANG HARUS DILAKSANAKAN SUMPAAH

Dari segi bahasa hak bermaksud ketetapan, kewajipan dan terserlah. Manakala dari segi istilah hak bermaksud pengkhususan terhadap seseorang yang diperakukan oleh syarak sama ada penguasaan terhadap sesuatu atau dipertanggungjawabkan ke atas sesuatu (Wan Abdul Fatah, 2007:22).

Pembahagian Hak:

1. Hak Allah. Pelaksanaan hak Allah adalah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah dengan cara menegakkan syiar agama dan melaksanakan sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada umum tanpa dikhususkan kepada individu-individu tertentu.
2. Hak Hamba. Pelaksanaan hak hamba adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dan menjaga hak individu tertentu.
3. Sesuatu yang berhimpun padanya hak Allah dan hak manusia, tetapi lebih kepada hak Allah seperti *had qazaf*. Maka diberi hukum yang sama dengan hak Allah.
4. Sesuatu yang berhimpun padanya hak Allah dan hak manusia, tetapi lebih kepada hak manusia. Maka diberi hukum yang sama dengan hak manusia.

Hak Allah merangkumi *hudud* dan ibadat, sementara hak hamba berupa harta benda atau yang bukan berupa harta benda tetapi ia berkaitan dengan hukum *qisas* dan *ahwal saksiah*.

Para ulama telah bersepakat bahawa tidak harus diperintah bersumpah dalam hak dan kes-kes yang melibatkan hak-hak Allah sahaja, sama ada *hudud* seperti zina, minum arak, *qazaf*, mencuri dan sebagainya atau ibadat seperti solat, puasa, haji, zakat, nazar kecuali yang bersangkutan dengan *hak mal* bagi manusia (Al-Zuhailiyy, 1997:608, Al-Mawardiyy, 1907:148, Ibn Abidin, t.th:551, Ibn Qudamah, 1995:272).

Mereka berpendapat bahawa kes-kes *hudud* digalakkan menutupinya, bahkan boleh diberi tawaran secara sindiran kepada yang membuat pengakuan supaya menarik balik dari pengakuan *hudud* itu serta sah rujukannya daripada *iqrar* dengan *hudud* itu, maka lebih baik dia tidak dituntut bersumpah. Disamping itu, *hudud* tidak boleh dipertikaikan, sebab itulah tidak seorang pun pendakwa yang boleh menuntut *al-Yamin*. Perkara ini ditegaskan lagi bahawa *hudud* akan ditolak dengan sebab adanya *syubhah* (kesangsian), sementara tuntutan bersumpah menurut mazhab Hanafi dan Hanbali kerana enggan bersumpah, sedangkan tidak boleh dihukum dengan sebab enggan bersumpah dalam kes-kes yang melibatkan *hudud* (Al-Kasaniyy, 1907:226, Ibn al-Qayyim, t.th:110).

Perbincangan tentang konsep sumpah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya amat penting kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan isu yang akan dibincangkan nanti. Perbincangan ini diteruskan dengan menerangkan pengertian *qazaf*, kesalahan *qazaf*, tuduhan melakukan liwat dan sebagainya. Pada akhir perbincangan, penulis akan membincangkan secara khusus tentang pensabitan kesalahan *qazaf* melalui sumpah menurut pandangan empat mazhab beserta tarjih.

PENGERTIAN QAZAF

Dari segi bahasa, pengertian *qazaf* bermaksud melempar dengan batu dan seumpamanya. Kemudian ia digunakan untuk maksud melempar terhadap diri seseorang dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan atau dibenci, iaitu kedua-duanya menyakitkan orang yang menjadi mangsa. *Qazaf* menyakiti mangsanya dengan kata-kata. Kadang-kadang dinamakan juga dengan pembohongan dan fitnah (Al-Zuhailiy, 1977:70).

Dari segi istilah, terdapat pelbagai bentuk pengertian yang diberikan oleh ulama'. Pengertian yang agak menarik ialah yang ditulis oleh Ibn Juz' al-Maliki di dalam kitabnya *al-Qawanin al-Fiqhiyyah* yang menyebut: "*Ita adalah perbuatan menuduh melakukan persetubuhan haram pada qubul atau dubur, atau menafikan nasab (keturunan) sebelah bapa atau mempersendakan dengan perkara demikian.*" (Ibn Juz' t.th:342)

KESALAHAN QAZAF ATAU MENUDUH ZINA

Dalam syariat Islam, *qazaf* ada dua jenis:

1. *Qazaf* yang dihukum *had*.
2. *Qazaf* yang dihukum dengan *ta'zir*.

Qazaf yang dihukum dengan *had* ialah menuduh orang yang *muhsan* berzina atau menafikan *nasab* keturunannya. Manakala *qazaf* yang dihukum dengan *ta'zir* pula ialah membuat tuduhan yang selain dari tuduhan zina, atau penafian *nasab* seperti menuduh seorang itu mencuri atau mengumpul harta dan tuduhan lain-lain. Perbincangan ini lebih memfokuskan kepada *qazaf* yang dihukum dengan *had*.

Allah SWT ada menyebut dalam al-Quran surah al-Nur ayat 4 yang mengharamkan *qazaf*:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً
وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (*zina*) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.

Nabi Muhammad SAW juga ada bersabda yang bermaksud: “Jauhilah kamu dari tujuh perkara yang membinasakan, para sahabat bertanya, “Apa dia tujuh perkara itu wahai Rasulullah?” Jawab Nabi SAW: “Pertama: syirik, kedua: sihir, ketiga: membunuh, keempat: makan riba, kelima: menyalahgunakan harta anak yatim, keenam: lari dari medan perang, ketujuh: membuat tuduhan *zina* terhadap perempuan yang baik-baik” (Al-Munziriy, 1939:18).

TUDUHAN MELAKUKAN LIWAT

Perkara liwat pada pendapat sebahagian ulama’ adalah *zina*. Orang yang melakukannya sama ada lelaki atau perempuan, sama ada dia melakukannya atau orang yang diperlakukan perbuatan itu, keduanya adalah dihukum sebagai penzina. Inilah pendapat Malik, al-Syafi’e dan Ahmad. Lantaran itu melemparkan tuduhan dengan melakukan liwat, mengikut pendapat mereka, adalah sama dengan hukum melemparkan tuduhan melakukan *zina*, seperti: “Engkau telah melakukan liwat atau engkau telah diliwat oleh seseorang dengan pilihan engkau sendiri.” Maka ayat-ayat yang seumpama ini adalah dihukum sebagai *qazaf*. Jika tidak dapat dibuktikan kebenarannya oleh penuduh maka dia akan dikenakan hukum *had qazaf*.

Tetapi jika ungkapannya berbunyi: “Hai orang kaum Luth!” pengungkapannya bermaksud bahawa orang yang dihadapkan ucapannya itu adalah penganut agama kaum Luth, maka dia tidak dihukum sebagai penzina. Andainya dia bermaksud bahawa mangsanya itu adalah orang yang beramal dengan amalan kaum Luth, maka dia akan dikenakan hukum *had qazaf*. Inilah pendapat al-Syafi’e, Malik

tetap menghukum pengungkapannya itu sebagai telah melakukan *qazaf* tanpa menghiraukan dakwaannya.

Ahmad pula mempunyai tiga pendapat tentang ungkapan itu. Dalam riwayat yang pertama beliau mengatakan pengungkapannya wajib dikenakan hukum *had qazaf*. Dalam riwayat yang kedua beliau membezakan di antara maksud yang dikehendaki daripada ungkapan tersebut jika dia bermaksud bahawa orang itu adalah penganut agama kaum Luth maka dia tidak akan dikenakan *had qazaf*. Tetapi jika dia bermaksud bahawa orang yang dituduhnya itu adalah salah seorang yang beramal dengan amalan kaum Luth maka dia akan dikenakan *had qazaf*.

Dalam riwayat yang ketiga pula, beliau menyatakan jika dia mengucapkan ungkapan itu ketika dia sedang marah maka dia layak dikenakan hukuman *had qazaf* kerana kemarahannya itu adalah *qarinah* (bukti) yang menunjukkan beliau bermaksud *qazaf* dengan ungkapan itu. Tetapi pendapat yang paling kuat dalam mazhabnya ialah yang pertama kerana perkataan *orang kaum Luth* itu sudah jelas difahami sebagai seorang yang beramal dengan amalan kaum Luth. Jika dia tidak dapat membuktikan kesalahan *qazafnya* itu maka dia wajib dikenakan hukuman *had qazaf*. (Al-Zurqaniyy, 1885: 87, Al-Shiraziyy, t.th: 290, Ibn Qudamah, 1995: 209, Ibn al-Humam, 1970:150).

UNSUR PENTING DALAM KESALAHAN QAZAF

Qazaf yang membawa kepada hukuman *had* ialah membuat tuduhan zina ke atas orang yang baik-baik, atau *muhsan*, atau menafikan *nasab* keturunannya dan antara unsur penting dalam kesalahan *qazaf* ialah:

1. Membuat tuduhan zina atau penafian *nasab*
Maksud membuat tuduhan zina ialah menuduh seseorang itu berzina atau menafikan *nasab* keturunannya dengan kata-kata seperti “awak berzina” atau “awak anak zina”. Adapun membuat tuduhan selain dari zina atau penafian *nasab* keturunan maka tidak ada *had* yang akan dikenakan, sebaliknya, hukuman yang dikenakan adalah *ta'zir*.

Menurut pandangan Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad menuduh liwat adalah sama hukumnya dengan menuduh zina (Al-Zurqaniyy, 1885:78, Al-Syiraziyy, t.th:273, Ibn Qudamah, 1985:87). Ini sesuai dengan pandangan mereka bahawa

liwat sama hukumnya dengan zina. Imam Abu Hanifah pula berpendapat, bahawa tidak dikenakan *had qazaf* ke atas mereka yang membuat tuduhan liwat. Ini kerana pada pandangan mereka, liwat bukannya zina. Maka tuduhan liwat tidak bererti membuat tuduhan zina. Oleh itu hukuman yang dikenakan adalah ta'zir (Ibn Humam, 1970: 316).

2. Membuat tuduhan dengan niat jahat
Orang yang membuat tuduhan zina akan dianggap mempunyai niat jahat sekiranya dia tidak dapat membuktikan kesahihan tuduhan tersebut. Sebelum membuat apa-apa tuduhan seseorang perlu menyediakan bukti lengkap bagi tuduhan tersebut. Konsep ini difahami dari hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, sabda Nabi SAW kepada Hilal bin Umayyah yang menuduh isterinya berzina dengan Syarik bin Syahma. Baginda bersabda yang bermaksud: “*Bawakan empat orang saksi sebagai bukti kebenaran tuduhan kamu, jikalau tidak, kamu akan dikenakan hukuman had*”. Inilah yang menyebabkan jumhur fuqaha berpendapat, sekiranya saksi zina kurang daripada empat orang maka mereka akan dikenakan *had qazaf*.

PENSABITAN KESALAHAN QAZAF MELALUI SUMPAAH

Kesalahan menuduh zina atau *qazaf* boleh disabitkan dengan tiga cara iaitu keterangan saksi, pengakuan dan sumpah. Perbincangan lebih tertumpu kepada cara sumpah kerana ia merupakan isu yang sedang dibincangkan.

Maksud penggunaan sumpah di sini adalah sama ada sumpah oleh pihak pendakwa atau oleh pihak yang didakwa. Kedua-dua pihak harus diminta bersumpah di dalam suasana yang tertentu sama ada untuk mengenakan pembalasan *had qazaf* ke atas penuduh atau menggugurkannya.

Imam Shafie dan ulama mazhabnya berpendapat jenayah *qazaf* dapat disabitkan dengan sumpahan apabila tidak ada bukti lain yang dimiliki oleh mangsa dakwaan. Dalam situasi ini, pihak didakwa berhak menuntut pendakwa bersumpah bahawa dia tidak pernah menuduhnya melakukan zina atau tidak pernah menafikan *nasabnya*. Jika pendakwa enggan bersumpah atas tuntutan mangsa dakwaannya, maka sabitlah

jenayah *qazaf* ke atas dirinya dengan keenggannya itu (Al-Ansariyy, 1313H:402).

Dalil-dalil yang menyokong pendapat ini adalah seperti berikut:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Dar Qutniyy dan al-Hakim:

أن النبي صلى الله عليه وسلم رد اليمين على طالب الحق

Maksudnya: “Nabi SAW telah mengembalikan sumpah kepada penuntut hak (pendakwa)” (Hadith. Al-Dar Qutniyy. Kitab fi al-aqdiyah wa al-ahkam: Juz’ 4). Hadis ini dengan jelas menyatakan bahawa Nabi SAW mengembalikan sumpah kepada orang yang mendakwa.

2. *Athar* yang menceritakan: Uthman bin Affan mendakwa telah memberi pinjaman kepada al-Miqdad sebanyak tujuh ribu dirham, tetapi al-Miqdad menyatakan beliau hanya meminjam sebanyak empat ribu dirham. Apabila al-Miqdad diminta bersumpah, beliau enggan. Umar mengembalikan sumpah kepada Uthman (Al-Hindiyy 1989: 838).
3. Mereka juga berhujah apabila orang yang didakwa enggan bersumpah, kebenaran orang yang mendakwa menjadi semakin jelas. Maka diajukan kepadanya supaya bersumpah sebagaimana yang dilakukan kepada orang yang didakwa sebelum ini. Namun hakim tidak boleh membuat keputusan hanya berdasarkan keengganan tersebut tanpa sebarang bukti melainkan jika orang yang mendakwa bersumpah (Ibn Qudamah 1995:162).

Imam Shafie juga berpendapat, sekiranya pihak pendakwa dalam kes ini tidak mempunyai apa-apa keterangan untuk membuktikan bahawa tuduhan zina telah dibuat oleh pihak yang didakwa, dia boleh meminta pihak yang didakwa bersumpah menafikan dakwaan itu. Sekiranya pihak terdakwa bersumpah maka dakwaan itu gugur dengan sendirinya. Tetapi kalau pihak yang didakwa tidak mahu bersumpah maka kesalahan menuduh zina sebagaimana yang didakwakan itu dianggap sabit dan dia akan dianggap bersalah (Al-Ansariyy, 1313H:402).

Dalil-dalil yang menyokong pendapat Imam Shafie adalah seperti berikut:

1. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لِأَدْعَى نَاسٍ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ وَلَكِنَّ
الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

Maksudnya: “Kalaulah manusia itu diberikan (hak yang dituntutnya) dengan semata-mata dakwaan mereka nescaya terdapat sebahagian manusia akan mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan darah dan harta ke atas orang lain, tetapi sumpah adalah dikenakan ke atas orang yang didakwa”. (Hadith. Muslim. Kitab al-Aqdiyah: Bab al-yamin ‘ala al-Mudd‘ah ‘alayh: Juz’ 3”#1711).

Dalam hadis ini perkataan *al-yamin* disertakan dengan huruf *alif* dan *lam* yang berfungsi sebagai *istighraq* (merangkumi) semua jenis sumpah. Justeru tiada lagi sumpah bagi orang yang mendakwa menurut maksud hadis ini.

2. Hadis riwayat Imam Al-Tirmidhiyy, sabda rasulullah SAW:

البينة على المدعي واليمين على المدعى عليه

Maksudnya: “Saksi ke atas orang yang mendakwa dan sumpah ke atas yang didakwa”. (Hadith. Al-Tirmidhiyy. Bab ma ja‘a fi anna al-bayyinah ‘ala al-Mudd‘iyy wa al-yamin ‘ala al-Mudd‘ah ‘alayh: Juz’ 3:#403).

Hadis ini membezakan antara saksi dan sumpah. Saksi adalah cara pembuktian yang dikhususkan kepada orang yang mendakwa dan sumpah dikhususkan kepada orang yang didakwa. Justeru mengembalikan sumpah kepada orang yang mendakwa adalah bertentangan dengan hadis ini.

Keharusan mensabitkan jenayah *qazaf* menggunakan sumpah, sama ada sumpah daripada pihak yang didakwa atau pihak pendakwa, adalah disebabkan jenayah tersebut merupakan hak hamba dan penarikan balik pengakuan yang telah dibuat dalam jenayah *qazaf* ini dikira sebagai terbatal dan tidak harus diambil kira serta keengganan bersumpah dianggap sebagai satu pengakuan. Manakala dalam jenayah *hudud* yang lain, Imam Shafie tidak mengharuskan sumpah dijadikan sebagai satu jalan untuk mensabitkannya ke atas pesalah kerana ia

merupakan hak Allah di samping menarik balik pengakuan di dalamnya adalah satu amalan yang sah (Al-Ansariyy, 1313H: 402).

Manakala mazhab Hanafi terbahagi kepada dua pendapat, sebahagian daripada mereka menyatakan harus disabitkan jenayah *qazaf* menggunakan sumpah kerana ia merupakan hak hamba dan sebahagian yang lain menyatakan tidak harus kerana terdapat di dalamnya hak Allah yang lebih menguasai, maka ia tidak disabit dan dijatuhkan pembalasan berdasarkan kepada sumpah dan juga keenggannya. Mereka yang menyatakan harus disabitkannya menggunakan sumpah terbahagi pula kepada dua pendapat, pendapat pertama menyatakan pendakwa harus dikenakan pembalasan *had qazaf* dengan sebab keenggannya itu, manakala pendapat kedua pula menyatakan dia hanya akan dijatuhkan hukuman *ta'zir* sahaja (Al-Kasaniyy, 1907:52).

Dalil pendapat ini sama dengan dalil yang dikemukakan oleh Imam Shafie dan mazhabnya.

Menurut Imam Malik dan Ahmad mereka tidak menerima langsung sumpah sebagai satu bukti bagi mensabitkan kesalahan menuduh zina. Menurut pendapat ini, kedua-dua belah pihak tidak boleh diminta supaya bersumpah (Al-Zurqaniyy, 1885:91, Al-Hajawiiyy, 1898: 251).

Mereka berhujah orang yang didakwa diwajibkan melakukan salah satu dari dua perkara iaitu *iqrar* atau menolak dakwaan. Seandainya dia enggan melakukan kewajipan tersebut dia dihukum dengan penahanan sehinggalah dia melaksanakannya sebagaimana yang dilakukan oleh Uthman bin Affan, Ibn Abbas dan Abu Musa (Al-San'aniyy, 1988: 252).

TARJIH

Berdasarkan kepada perbincangan yang lalu berkaitan dengan sumpah dan kesalahan *qazaf*, dalam mazhab Shafie dan salah satu pendapat mazhab Hanafi sumpah boleh digunakan oleh yang didakwa untuk menafikan tuduhan liwat ataupun zina jika pendakwa memohon daripada hakim supaya yang terdakwa bersumpah disebabkan ketiadaan saksi. Walau bagaimanapun, Imam Malik dan Ahmad berpendapat bahawa sumpah tidak boleh digunakan untuk menafikan tuduhan liwat ataupun zina dan tidak boleh dijadikan bukti untuk mensabitkan kesalahan zina ataupun *qazaf*. Dengan kata lain, kedua-dua belah pihak tidak boleh diminta supaya bersumpah.

Pendapat Imam Malik dan Ahmad dilihat lebih kuat kerana ia seiring dengan pendapat ulama dalam konsep sumpah, yang mana sumpah hanya boleh dilakukan apabila melibatkan hak manusia sahaja seperti mal ataupun *ahwal sahsiah*. Manakala hak Allah seperti *had zina*, *had qazaf*, *had mencuri*, *had minum arak* dan sebagainya tidak boleh dilakukan sumpah.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya, jelas di sini bahawa Islam amat menitikberatkan saksi dalam menentukan sesuatu kesalahan. Saksi amat penting terutama yang melibatkan kes *hudud* kerana ia merupakan jenayah yang berat begitu juga hukumannya. Pihak hakim juga perlu berwaspada dalam menentu dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan kes *hudud* kerana jika terdapat *syubhat* dalam kes tersebut, sesuatu kesalahan itu tidak boleh disabitkan dan ia gugur disebabkan adanya *syubhat*.

Secara umumnya, suasana yang berlaku sekarang agak berbeza dengan zaman dahulu di mana masyarakat Islam ketika itu cukup takut melakukan sumpah atau lebih bersifat rendah diri dalam penggunaan sumpah. Namun pada hari ini, kita dapat melihat masyarakat seolah-olah tidak takut dalam penggunaan sumpah untuk mensabitkan atau menafikan sesuatu.

Dalam menyelesaikan isu ini, pihak hakim perlu mencari jalan alternatif atau kaedah yang sesuai dalam menangani isu ini, segala keterangan dan bukti perlu dicari terutama saksi. Sekiranya yang mendakwa tidak mempunyai saksi, bahan bukti lain perlu digunakan seperti penggunaan DNA dan sebagainya bagi membantu menyelesaikan isu ini. Ia hanya sebagai *qarinah* sahaja, dalam erti kata lain, sebagai penyokong atau penguat kepada bukti.

Penulis berpandangan sekiranya pihak hakim tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk membuat keputusan setelah siasatan dibuat kepada kedua-dua belah pihak, maka barulah pihak yang mendakwa boleh memohon kepada hakim agar pihak yang didakwa bersumpah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidiyy yang mengisahkan dakwaan seorang lelaki dari *Hadramaut* terhadap seorang lelaki Kindah yang merampas tanahnya yang bermaksud: “Maka Nabi SAW berkata kepada lelaki *Hadramaut*: Adakah kamu mempunyai saksi? Lelaki tersebut berkata: tidak. Sabda Rasulullah:

Bagimu sumpahnya. Lelaki Hadramaut menjawab: Wahai Rasulullah! Lelaki ini jahat dia tidak kisah atas apa dia bersumpah. Dia tidak takut kepada apa pun. Sabda Rasulullah SAW: Kamu tiada apa ke atasnya melainkan perkara itu (Sumpah)". (Hadith. Al-Tirmidiyy. Bab ma ja'a fi anna al-bayyinah 'ala al-Mudd'iy wa al-yamin 'ala al-Mudd'ah 'alayh: Juz' 3:#403).

Justeru, hakim perlu bijak dalam menangani isu ini. Pihak hakim juga perlu melihat *maslahat* bagi kedua-dua belah pihak terutama dari segi kedudukan dan maruah orang yang mendakwa dan didakwa. Satu mekanisma baru perlu dikenalpasti bagi mereka yang ingin membuat dakwaan tanpa saksi. Ini adalah untuk mengelakkan gejala fitnah berleluasa dan akhirnya memberikan kesan buruk kepada yang mendakwa atau yang didakwa apabila sesuatu perkara itu terbukti kebenarannya. Penggunaan sumpah juga perlu dikaji secara mendalam terutama yang melibatkan kes *hudud* agar masyarakat tidak sewenang-wenangnya bersumpah untuk mensabitkan atau menafikan sesuatu kesalahan itu.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Al-Ansariyy, Abu Yahya Zakaria ibn Muhammad. T.th. *Fath al-Wahhab bi Sharh Manhaj al-Tullab*. Mesir: 'Isa al-Babiyy al-Halabiyy wa al-Shurakah.

Al-Ansariyy, Abu Yahya Zakaria ibn Muhammad. 1313H. *Asna al-Matalib Sharh Raud al-Talib*. Mesir: al-Matba'ah al-Maimaniyyah.

Bahnasiyy, Ahmad Fathi. 1991. *Al-Mausu'ah al-Jina'iyyah Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Al-Fayumiyy, Ahmad Bin Muhammad Bin Ali. 1987. *Al-Misbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-Hajawiyy, Abu al-Naja' Sharifudin. 1898. *Al-Iqna' Li Talib al-Intifa'*. Kaherah: al-Misniyah.

Al-Hindiyy, al-Muttaqi ibn Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-af'al*. Damsyiq: Mu'assasat al-Risalah.

- Ibn Abidin, Muhammad Amin. *Hashiah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Kaherah: al-Babiyy.
- Ibn al-Humam. Kamaludin Muhammad. 1970. *Fath al-Qadir*. Kaherah:al-Babiyy.
- Ibn Hajar al-Haytamiyy, Abu Abas Ahmad Shihab al-Din. *Fath al-Jawwad Bi Sharh al-Irsad*. Mesir: Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh.
- Ibn Manzur. Abu Jamal al-Din Muhammad Mukram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sodir.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad Ibn Abu Bakar. 1995. *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Shariyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, Abd Allah Ibn Ahmad. 1995. *Al-Mughniyy*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibrahim Mustafa et.al. t.th. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Dakwah.
- Al-Kasaniyy, 'Ala al-Din Abu Bakar Ibn Mas'ud. 1907. *Bada'i' as-Sana'i fi Tartib as-Syara'i*. Kaherah: al- Jamaliyah.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha. (Terjemahan). 2005. *Al-Fiqh al-Manhajiyy*. KualaLumpur: Pustaka Salam.
- Al-Mawardiyy, Al-Qadi Abu al-Hasan. 1907. *Al-Hawiyy al-Kabir*. Kaherah: al-Sa'adah.
- Al-Munziriyy, Zakiyy al-Din Abd al-'Azim. 1939. *Mukhtasar Sahih Muslim*. Beirut: Al-Maktabah al-Islami.
- Al-Naysaburiyy, Muslim bin Hujaj Abu al-Husain. *Sahih al-Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Qalyubiyy, Shihab al-Din. *Hashiyah al-Qalyubiyy*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyah.
- Al-Raziyy, Muhammad Bin Abu Bakar Bin Qadir. 1987. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-San'aniyy, Muhammad Ibn Ismail. 1988. *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Muram*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Al-Sarkhasiyy, Muhammad Ibn Ahmad. t.th. *Kitab Mabsut*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Sharbiniyy al-Khatib, Muhammad Ibn Ahmad. 1958. *Mughni al-Mukhtaj ila Ma'rifat Ma'ani al-Alfaz*. Mesir: 'isa al-Babiyy al-Halabiyy wa al-Shurakah.
- Al-Sharqawiyy, Abd Allah Ibn Hijaziyy. T.th. *Al-Sharqawiyy 'ala al-Tahir*. Mesir: 'isa al-Babiyy al-Halabiyy wa al-Shurakah.
- Al-Shiraziyy, Abu Ishak Ibrahim. *Al-Muhazzab*. Kaherah: al-Babiyy.
- Al-Tirmidiyy, Muhammad Ibn 'isa Ibn Surah. 1999. *Sunan al-Tirmidiyy*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Wan Abdul Fatah Wan Ismail dan Zulkifli Hassan. 2007. *Konsep Sumpah (AL-YAMIN) dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*. Nilai: Penerbit USIM.
- Al-Zaila'iyy, Fakhr al-Din Uthman Ibn Ali. *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz ad-Daqaiq*. Kaherah: Bulaq.
- Al-Zuhailiyy, Wahbah. 1982. *Wasail al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiah*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zurqaniyy, Abdul Baqi. 1885. *Sharh az-Zarqaniyy A'la Muktasar Khalil*. Kaherah: Bulaq.

